

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.05.2016**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenyataan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan semasa sesi Parlimen yang lepas bahawa sekiranya harga semasa minyak kekal, kurangan hasil Kerajaan adalah sebanyak RM30 bilion pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa sidang dewan sesi yang lepas iaitu pada 21 Mac 2016, YB Timbalan Menteri Kewangan telah membuat keterangan balas terhadap pertanyaan YB Kelana Jaya mengenai kehilangan hasil berkaitan petroleum Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 bilion.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015, jumlah kutipan hasil berkaitan petroleum Kerajaan Persekutuan adalah RM47 bilion, iaitu pengurangan sebanyak RM19 bilion berbanding jumlah kutipan RM66 bilion pada tahun 2014. Bagi tahun 2016 pula, dengan andaian harga minyak mentah dunia (*dated Brent*) yang disemak semula kepada paras di antara USD30 hingga USD35 setong, hasil berkaitan petroleum Kerajaan Persekutuan dianggarkan sekitar RM30 bilion. Sekiranya tren ini berterusan dengan harga dan kuantiti yang sama, ada kemungkinan hasil berkaitan petroleum adalah sama juga bagi tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 105**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab kelewatan pembukaan tempat letak kereta bertingkat di KTM Serdang dan bila tarikh pembukaan yang baru.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat berhampiran Stesen Komuter Serdang telah dimulakan pada bulan Mac 2014 dan kemajuan semasa adalah siap secara fizikal. Walau bagaimanapun, kemudahan ini belum beroperasi sehingga bekalan elektrik secara tetap (*permanent electric supply*) disediakan. Ini bagi memastikan semua kemudahan teknikal ditauliahkan oleh agensi yang berkeelayakan sebelum dibuka untuk kegunaan orang awam. Pada masa ini, kerja-kerja pemasangan kabel sedang dijalankan dan dijangka dapat disiapkan pada bulan Julai 2016. Kemudahan ini dijangka beroperasi pada bulan Ogos 2016.